# BAB 5
# RUMUSAN DAN CADANGAN

# BAB 5

# RUMUSAN DAN CADANGAN

## 5.0 Pengenalan.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan rumusan tentang masalah yang dihadapi oleh sampel dalam menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Berdasarkan rumusan yang telah dikemukakan, pengkaji mengemukakan pula beberapa cadangan kepada guru untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran untuk membolehkan sampel menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

## 5.1 Rumusan Permasalahan Sampel Dalam Menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Melalui soal-selidik yang telah dianalisis oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa rata-rata sampel menghadapi masalah dalam menguasai isi pelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Dapatan data secara terperinci dapat dirujuk kepada jadual 19 di bawah :

| Isi Pelajaran | Bahasa Arab Tinggi | | Bahasa Arab Komunikasi | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil | % | Bil | % |
| Qawaid | 50 | 100 | 50 | 100 |
| Karangan | 45 | 90 | 40 | 80 |
| Bacaan | 15 | 30 | 15 | 30 |
| Lisan | 10 | 20 | 10 | 20 |
| Ejaan | 35 | 70 | 30 | 60 |
| Kefahaman | 30 | 60 | 20 | 40 |

Jadual 19 : **Kelemahan sampel dalam menguasai isi Bahasa Arab Tinggi dan BahasaArab Komunikasi.**

Berdasarkan jadual 19 boleh dikatakan keseluruhan sampel menghadapi masalah untuk menguasai Qawaid atau Nahu bahasa Arab. Kedua tertinggi yang dihadapi ialah dalam menulis karangan iaitu 90% Bahasa Arab Tinggi dan 80% Bahasa Arab Komuikasi. Dari segi perbandingan pula pengkaji mendapati bahawa 3 bahagian isi iaitu Qawaid, Bacaan dan Lisan mempunyai data yang sama antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Manakala tiga bahagian lagi iaitu karangan, ejaan dan kefahaman Bahasa Arab Tinggi mengatasi Bahasa Arab Komuikasi. Ini menunjukkan bahawa sampel menghadapi kesukaran dalam menguasai bahasa Arab iaitu Bahasa Arab Tinggi lebih sukar berbanding dengan Bahasa Arab Komunikasi. Melalui soal-maklumat daripada guru yang mengajar dan sampel, dapat pengkaji rumuskan bahawa kesukaran Bahasa Arab Tinggi berpunca daripada kesukaran sampel menguasai bahasa al-Quran kerana bahasa al-Quran mempunyai banyak

semantik dan memerlukan penelitian dan kemahiran yang tinggi untuk memahaminya.

Keseluruhan maklum balas yang telah diberikan oleh sampel dapat pengkaji cernakan 10 masalah utama yang dihadapi oleh sampel dalam menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komuikasi. Masalah-masalah yang tercerna ini berdasarkan kepada keputusan yang paling tinggi sampel kemukakan dalam soalan soal-selidik. Antara masalah-masalah yang selalu membelenggu sampel untuk menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi serta perlu perhatian daripada guru-guru yang mengajar ialah:

1. Kurang membaca bahan bahasa Arab.
2. Kurang mempraktik pertuturan bahasa Arab.
3. Kurang membiasakan diri dengan kalimah Arab.
4. Kurang latihan dan membuat hafazan.
5. Tidak mahir dalam kaedah Qawaid.
6. Kurang perbendaharaan dalam bahasa Arab.
7. Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi adalah luas bidangnya.
8. Kurang mahir dalam membuat ayat.

9. Kurang mahir dalam menanda baris.

10. Kekurangan artikel dalam bahasa Arab yang hendak dibaca

Melalui permasalahan sampel di atas dapat pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang difikir baik oleh pengkaji dan rujukan guru bagi melahirkan insan yang lebih cemerlang dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi .

## 5.2 Cadangan

Berdasarkan kepada rumusan yang telah dikemukakan dalam bahagian yang terdahulu dapat pengkaji perturunkan beberapa cadangan yang difikirkan boleh dijadikan panduan oleh guru-guru dan para pembaca untuk meningkatkan mutu keberkesanan pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

### 5.2.1 Penggunaan Teknik Dan Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab .

Berdasarkan kepada penelitian pengkaji, pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi adalah lebih kepada stereotaip iaitu banyak menggunakan BBM berbentuk lama seperti papan hitam. Guru sepatutnya

menggunakan BBM yang lebih terkini seperti menggunakan "slaid" dan komputer supaya pengajaran lebih mantap dan menyeluruh untuk menyampai isi pelajaran. Diharap dengan penggunaan BBM ini akan menimbulkan ransangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam seluruh aspek pengajaran serta harapan terakhir ialah pengajaran akan menjadi lebih menarik dan berkesan.

### 5.2.2 **Memberi Latihan .**

Guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi hendaklah sentiasa membekalkan soalan-soalan latihan baik di dalam kelas mahupun di rumah. Pemberian latihan ini akan memberi dua keistimewaan kepada guru dan pelajar. Bagi guru melalui latihan yang diberi akan memberi maklum balas yang tepat sama ada pengajarannya berkesan atau tidak. Manakala pelajar pula kesan semerta yang dapat dimiliki ialah mereka dapat memantapkan dan lebih memahami isi pelajaran yang telah dianjar. Berdasar maklum balas daripada sampel jelas memperlihatkan guru kurang memberi latihan selepas satu-satu topik. Diharap dengan pemberian latihan ini guru juga dapat mengesan di manakah kelemahan dan kekuatan pelajar mereka .

### 5.2.3 **Penggunaan Bahasa Semasa Mengajar** .

Sebagaimana dapatan data seperti jadual 17, jelas memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Arab dan bahasa Melayu merupakan cara yang terbaik membolehkan pelajar menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Bagi pengkaji, bahasa yang hendak digunakan hendaklah bahasa Arab standard dan bahasa Melayu standard supaya penggunaan perkataan bahasa Arab tidak mengganggu kelancaran bahasa Arab. Pengkaji juga mengesyorkan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi supaya melakukan sebanyak mungkin terjemahan ke dalam bahasa Melayu agar pelajar dapat memahami dengan jelas. Disarankan juga agar guru elakkan diri daripada keegoan terutama dalam melakukan terjemahan .

### 5.2.4. **Program Minggu Bahasa Arab** .

Salah satu punca kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi ialah kurangnya praktik penggunaan seharian. Berdasarkan kepada pernyataan di atas, pengkaji mencadangkan agar sekolah -sekolah mengadakan minggu bahasa Arab. Pengisian program ini ialah menggalakkan pelajar-pelajar bertutur dalam bahasa Arab terutama dalam Bahasa Arab Komunikasi. Selain dari itu, pertandingan debat, kuiz dan menulis esei perlu diadakan untuk memantapkan lagi penggunaan bahasa Arab. Melalui

program Minggu bahasa Arab ini juga diharap segala bentuk pengumuman dan penulisan di papan kenyataan hendaklah digunakan bahasa Arab.

5.2.5. **Memperbanyakkan Tenaga Pengajar.**

Berdasarkan kepada maklum-balas sampel juga menjelaskan bahawa bilangan guru yang mengajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi amat terhad sekali. Cadangan pengkaji kepada pihak sekolah dan pihak Kementerian Pendidikan agar menambahkan bilangan guru terutama dalam memberi peluang kepada guru-guru bahasa Arab yang berpotensi untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Arab di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Penjurusan kepada Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi hendaklah diperkenalkan agar penekanan dalam merancang dan melaksanakan program latihan perguruan dan teknik pengajaran lebih berkesan.

Bagi guru-guru dan bakal-bakal guru bahasa Arab perlu diberi pendedahan dan latihan yang cukup mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Ini dapat dilaksanakan dengan wujudnya program-program bahasa Arab di peringkat ijazah Sarjana Muda dan Diploma Lanjutan sebagaimana yang telah dirancang oleh Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

5.2.6. **Permainan Bahasa.**

Satu lagi langkah yang paling berkesan dalam mempengaruhi minat dan dapat mencetus ransangan kepada pelajar unutk mempelajari lebih mendalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi ialah mengadakan permainan bahasa. Mengikut **Koh Boh Boon (1990 : 81)** berbunyi:

" *Permainan bahasa adalah satu jenis kegiatan pembelajaran bahasa yang amat digemari dan sangat berkesan. Satu permainan bahasa membolehkan pelajar belajar sesuatu dengan dua sifat semula jadi yang ada pada kanak-kanak iaitu suka bermain dan suka bertanding* "

Kesimpulan petikan di atas dapat pengkaji simpulkan bahawa permainan bahasa itu amat penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa terutama dalam perbendaharaan kata. Guru dicadangkan agar membuat lebih banyak persediaan dan BBM terutama permainan teka silang kata untuk melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran.

5.2.7 **Pembentukan Sikap.**

Mengikut **Nawi Ismail (1995)**, yang berbunyi :

" *Sikap pelajar merupakan salah satu aspek yang menentukan pencapaian yang bakal diperolehi dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan pelajar yang berdisplin, lazimnya lebih berpeluang memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar kurang berdisplin* " (Jurnal Guru 16 Mei 1995 : 465 )

Berdasarkan kepada petikan di atas jelas memperlihatkan bahawa sikap pelajar boleh menentukan keupayaan menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Guru dicadangkan agar sentiasa memainkan peranan seperti menanam minat kepada pelajar supaya mengubah sikap daripada kurang minat kepada minat dan terangsang untuk mempelajari Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Sikap belajar sambil lewa yang tersemat dalam diri pelajar hendaklah dikikis sebaliknya rangsangan perlu diterapkan dalam diri pelajar supaya belajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja malah untuk mendalami agama dan seterusnya mencapai kebaikan dalam kehidupan.

### 5.2.8 **Mengadakan Lawatan Sambil Belajar.**

Guru hendaklah merancang seboleh-bolehnya kerap mengadakan lawatan sambil belajar terutama ke pusat-pusat bahasa Arab, kedutaan-kedutaan negara Arab, pondok-pondok pengajian bahasa Arab dan sebagainya. Selain daripada menarik minat pelajar serta dapat menghilangkan rasa bosan ketika belajar, pelajar juga dapat memperkayakan perbendaharaan kata mereka semasa mendengar taklimat dan bertutur dengan pegawai yang bertugas.

Melalui lawatan sambil belajar juga, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai bentuk bahan rujukan yang berguna untuk pengajian mereka. Pendedahan kepada tempat-tempat untuk melanjutkan pelajaran yang biasanya didedahkan semasa lawatan boleh menarik minat mereka untuk belajar lebih bersungguh-sungguh dan serius.

### 5.2.9 **Meningkatkan Minat Membaca.**

Berdasarkan kepada soal-selidik daripada sampel, dapat pengkaji katakan bahawa salah satu sebab kurang perbendaharaan kata dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi berpunca daripada kurangnya pembacaan. Guru

disarankan agar menanam minat kepada pelajar tentang pentingnya membaca untuk meningkatkan perbendaharaan kata pelajar. Pengkaji juga mencadangkan agar kempen minat membaca diadakan terutama bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Arab. Mengikut **Nawi bin Ismail**, Mei 1995 : 466 terdapat 5 kepentingan mengapa bahan bacaan berbentuk majalah perlu dibaca iaitu :

a) Pemakaian bahasanya terpelihara.

b) Terdapat rencana terpilih untuk isu terkini.

c) Terdapat pelbagai rencana khususnya untuk pelajar mengasah bakat dalam bidang penulisan seperti ruangan cetusan pendapat, cerpen , puisi dan lain-lain.

d) Boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

e) Boleh didapati dengan harga yang murah.

5.2.10 **Menangani Segala Kesalahan Bahasa.**

Langkah menangani segera kesalahan dan kesilapan berbahasa boleh membantu seseorang pelajar menguasai bahasa. Mengikut pendekatan analisis kesilapan, tenaga pengajar hendaklah membuat pembetulan kesilapan pelajar dengan segera dan seterusnya mengemukakan jawapan yang betul serta selok-

belok hukumnya yang boleh menyebabkan pelajar bagi mengukuhkan lagi konsep pembetulan. Sekali-sekala tenaga pengajar hendaklah memandu pelajar merujuk buku-buku tertentu seperti buku tatabahasa bahasa Arab, kamus istilah bahasa Arab dan lain-lain yang berkaitan dan kemudiannya mengadakan perbincangan.

### 5.2.11 **Latihan Kepada Guru Dalam Penggunaan Media Eletronik.**

Selama pengkaji berada di sekolah yang menjadi tempat kajian, didapati hanya sebilangan kecil sahaja guru-guru yang menggunakan peralatan yang lebih moden semasa menjalankan tugas. Dapatan daripada soal-maklumat dengan guru-guru yang dipilih secara rambang mendapati bahawa sebilangan besar daripada mereka tidak begitu mahir menggunakan komputer dan "Over Head Projector" (OHP). Melalui permasalahan ini pengkaji mencadangkan pihak berwajib membuat "Kursus Dalaman" di sekolah. Pihak sekolah boleh memanggil penceramah yang sesuai untuk memberi pendedahan kepada guru-guru tentang cara penggunaan Media Eletronik .

Diharap dengan pendedahan ini akan menjadi pemangkin kepada guru dan seterusnya menggunakan Media Eletronik yang terdapat di sekolah. Dengan

penggunaan ini juga, pelajar mendapat rangsangan dan seterusnya menarik minat untuk belajar Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

### 5.2.12 **Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang .**

Kajian ini memberi bukti memang jelas terdapat perbezaan antara pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Tetapi dari segi permasalahan yang didapati menunjukkan bahawa masalah yang sama dihadapi oleh sampel. Diharapkan cadangan-cadangan yang telah disarankan oleh pengkaji bersesuaian untuk rujukan pengkaji akan datang yang berminat untuk membuat kajian perbandingan antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

## 5.3 **Penutup.**

Keseluruhan dapatan kajian yang dapat pengkaji simpulkan untuk memenuhi ruangan penutup ini ialah, didapati keseluruhan sampel mempunyai kebolehan untuk menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Ini dibuktikan dengan keputusan peperiksaan yang menunjukkan pencapaian sampel melebihi 80% kelulusan.

Dapatan daripada data juga menunjukkan bahawa pentingnya pengaruh latar belakang keluarga dan latar belakang diri sampel dalam mempengaruhi minat dan seterusnya menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Intipati yang pengkaji fokuskan dalam penulisan ini ialah perbandingan pengajaran antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Dapatan data memperlihatkan bahawa tidak banyak perbezaan yang wujud antara pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Yang pastinya pengajaran guru antara dua bahasa ini ialah berbentuk tradisional dan banyak bergantung kepada penggunaan papan hitam yang ternyata lebih berkesan dan lebih mudah pelajar menerima isi pengajarannya.

Akhir sekali pengkaji telah mengemukakan cadangan untuk dijadikan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan, dan pihak sekolah dalam memantapkan dan seterusnya mengemaskini pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Kajian ini memerlukan pelbagai penelitian yang lebih terperinci dalam melahirkan mutu yang lebih baik. Pengkaji mengharapkan agar penulisan ini boleh dijadikan panduan dan

rujukan kepada pengkaji akan datang agar melahirkan kajian perbandingan yang lebih kemas dan bermutu tinggi .